

31 firma dapat prakelayakan bida projek MRT

KUALA LUMPUR: MRT Corp mengumumkan 31 syarikat diberi prakelayakan untuk membida lima pakej kerja sistem bagi projek Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) yang menghubungkan Sg Buloh dan Kajang, bernilai RM791 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid, berkata 76 syarikat terbabit mengambil bahagian dalam aktiviti prakelayakan antara 9 Januari hingga 12 Mac 2012.

Bagi sistem telekomunikasi atau pakej S07, lapan syarikat diberi prakelayakan ialah Indra Technology Solutions Malaysia Sdn Bhd, Samsung SDS Co Ltd, Apex Commu-

nications Sdn Bhd – LG CNS Consortium, CMCE – Thales Consortium (CTC), EVD – REI JV, Mitsubishi Heavy Industries Ltd, Alcatel-Lucent Malaysia Sdn Bhd & Mitsui & Co Plant Systems Ltd dan Siemens AG and Siemens Malaysia Sdn Bhd.

Bagi Skop Sistem Kawalan Penyeliaan dan Pemerolehan Data (SCADA), empat syarikat terbabit iaitu AFS Engineering (M) Sdn Bhd – ST Electronics JV, CTC, Mitsubishi Heavy Industries Ltd dan Apex Communications Sdn Bhd–Beijing Hollysys Ltd Consortium.

Bagi Sistem Kutipan Tambang Automatik (AFC) atau pakej S09,

syarikat yang diberi prakelayakan adalah Mitsubishi Heavy Industries Ltd, Indra Tech Solutions Malaysia Sdn Bhd – Hopetech Sdn Bhd, Samsung SDS Co Ltd, Sapura – Thales Consortium (STC), Heitech Padu Bhd dan Affiliated Computer Services Solutions France SAS.

Menurut MRT Corp, enam syarikat diberi prakelayakan bagi pakej S10 atau Sistem Kawalan Akses Elektronik, iaitu Indra Technology Solutions Malaysia Sdn Bhd, KUB Telekomunikasi Sdn Bhd, PERNEC Corporation Bhd, Honeywell Engineering Sdn Bhd, Apex Communications Sdn Bhd, Johnson Controls (M) Sdn Bhd dan Heitech Padu Bhd.

Bagi pakej S11 atau Building Management System (BMS), MRT Corp mengumumkan empat syarikat iaitu Metronic Engineering Sdn Bhd, KUB Telekomunikasi Sdn Bhd, PERNEC Corp Bhd, Honeywell Engineering Sdn Bhd, Apex Communications Sdn Bhd – Johnson Controls (M) Sdn Bhd dan Heitech Padu.

Dalam satu kenyataan semalam, MRT Corp berkata ia memaklumkan semua syarikat berjaya menerusi surat rasmi.

Semua tender akan ditutup pada 23 Julai 2012, kecuali sistem telekomunikasi dan AFC yang akan ditutup pada 6 Ogos 2012. – BER-NAMA